PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2006

TINJAUAN KESELURUHAN

Pertumbuhan ekonomi terus mampan

Ekonomi Malaysia terus mencapai pertumbuhan yang mampan. Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar berkembang 5.7% pada suku keempat (S3: 5.8%). Pertumbuhan adalah lebih menyeluruh, dengan kesemua sektor ekonomi kini mencatat pertumbuhan. Sektor swasta, yang didorong oleh sentimen pengguna yang semakin kukuh dan keyakinan perniagaan yang mampan, merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan. Sektor luar negeri dan sektor awam turut menyokong pertumbuhan. Bagi tahun 2006 keseluruhannya, KDNK benar meningkat 5.9%.

Pertumbuhan Mampan pada S4 2006



Sektor perkhidmatan dan pertanian terus meningkat dengan kukuh dan pada kadar yang lebih pantas daripada kadar pertumbuhan ekonomi keseluruhan. Sektor perkhidmatan berkembang 7% pada suku keempat, diterajui oleh aktiviti penggunaan, pelancongan, kewangan, dan perniagaan. Prestasi yang menggalakkan khususnya ditunjukkan oleh subsektor kewangan, insurans, harta tanah, dan perkhidmatan perniagaan; dan pengangkutan, penyimpanan, dan komunikasi. Pertumbuhan sektor pertanian bertambah kukuh kepada 6.5%, didorong oleh prestasi kukuh minyak sawit mentah dan getah, dan sebahagian lagi oleh keluaran makanan, terutamanya ikan dan ternakan.

Asas sektor perkilangan yang lebih pelbagai memberikan sokongan terhadap nilai ditambah sektor ini untuk terus berkembang 4.3% pada suku keempat (S3: 7.2%). Kadar pertumbuhan industri keluaran elektronik dan elektrik (electronics and electrical, E&E), dan industri keluaran kimia menjadi sederhana ekoran permintaan luar negeri terhadap komputer riba, komputer, dan plastik, yang lebih sederhana. Sebaliknya, permintaan luar negeri yang kukuh terhadap keluaran berasaskan sumber menyokong industri keluaran getah, kayu dan petroleum. Sebagai satu kumpulan, industri berorientasikan eksport mencatat pertumbuhan sebanyak 4.3% (S3: 5.9%). Industri berorientasikan dalam negeri pula terus mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 11.1% (S3: 12.2%). Pengeluaran industri yang berkaitan dengan pembinaan, keluaran logam yang direka, dan makanan meningkat dengan kukuh, dirangsang permintaan dari dalam dan luar negeri.

Sektor perlombongan berkembang 1.9% disokong oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dan gas asli. Sektor pembinaan juga mencatat pertumbuhan buat pertama kalinya selepas mengalami kemerosotan selama 10 suku tahunan berturut-turut, disokong oleh

aktiviti subsektor kejuruteraan awam yang meningkat, berikutan bermulanya projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan secara berperingkat-peringkat. Subsektor bukan kediaman juga terus berkembang, didorong oleh permintaan yang kukuh terhadap ruang perniagaan baru ekoran aktiviti perniagaan yang menggalakkan.

Permintaan dalam negeri bertambah kukuh pada suku keempat, dengan pertumbuhan sebanyak 7.5%. Pembentukan modal tetap kasar mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan, iaitu pada 9.8% pada suku itu. Perbelanjaan pelaburan sektor awam meningkat selaras dengan pengeluaran dana Kerajaan Persekutuan yang lebih banyak untuk projek yang sedang berjalan, projek pembangunan baru, dan penyediaan perkhidmatan dan utiliti awam. Perbelanjaan modal sektor swasta juga terus kukuh, dirangsang prospek perniagaan yang utuh dan penggunaan kapasiti yang terus tinggi. Import barangan modal dan pinjaman yang diluluskan kepada perusahaan perniagaan, terutamanya dalam sektor perkilangan dan pembinaan, menyokong peningkatan aktiviti pelaburan swasta. Penggunaan swasta juga terus meningkat dengan kukuh sebanyak 6.6%, disokong oleh peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah, bayaran bonus akhir tahun, dan harga komoditi yang menggalakkan. Penggunaan awam pula meningkat 6.9% disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan lebih tinggi terhadap emolumen.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), terus menjadi sederhana kepada 3% pada suku keempat (S3: 3.6%), sejajar dengan jangkaan pasaran dan jangkaan rasmi. Kadar inflasi yang lebih rendah ini adalah menyeluruh dengan kesemua kategori utama dalam IHP mencatat kadar inflasi yang lebih rendah. Secara relatif, inflasi yang berpunca daripada permintaan, lemah pada suku itu. Bagi keseluruhan tahun 2006, kadar inflasi berpurata 3.6% (2005: 3%). Keadaan dalam pasaran pekerja terus stabil, disokong oleh peningkatan produktiviti pekerja.

Dalam sektor luaran, lebihan perdagangan berjumlah RM30.4 bilion (S3: RM29.4 bilion). Eksport kasar meningkat 6.6%, disokong oleh pengembangan eksport pertanian yang lebih kukuh (22.8%) dan pertumbuhan eksport perkilangan yang sederhana (5.7%). Pertumbuhan eksport perkilangan terjejas oleh permintaan yang lebih rendah terhadap eksport E&E tertentu. Sebaliknya, prestasi eksport kelengkapan telekomunikasi dan keluaran berasaskan sumber terus menggalakkan. Pengembangan eksport pertanian pula disokong oleh minyak sawit mentah dan getah. Prestasi eksport minyak sawit yang memberangsangkan disebabkan jumlah yang dieksport lebih tinggi dengan ketara (21.4%) dan harga yang meningkat 14.7% berikutan peningkatan permintaan yang ketara dari Republik Rakyat China, Kesatuan Eropah, dan Amerika Syarikat. Eksport getah meningkat 12.7% disebabkan kenaikan harga sebanyak 11%. Perolehan eksport galian naik 2.5% disebabkan terutamanya oleh peningkatan eksport gas asli cecair sebanyak 10.7% berikutan harga yang lebih tinggi. Eksport minyak mentah pula merosot. Harga eksport minyak mentah berpurata USD63.50 setong pada suku keempat (S3: USD72.10).

Import kasar berkembang 6.6%, dengan kesemua kategori import meningkat. Import barangan pengantara bertambah 6.7%, barangan modal 4.6%, dan barangan penggunaan 12.1%.

Dalam akaun kewangan, pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI), yang dipantau oleh sistem Imbangan Pembayaran Tunai Bank Negara Malaysia, mencatat aliran masuk bersih yang lebih besar sebanyak RM12 bilion. Aliran masuk ini adalah menyeluruh dan disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkilangan, minyak dan gas; dan perkhidmatan. Data FDI pada asas tunai hanya menunjukkan aliran kewangan baru dan tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan peralatan yang diimport. Pada suku keempat, terdapat aliran masuk bersih pelaburan portfolio sebanyak RM7.8

bilion. Bagi pelaburan luar negeri, terdapat aliran keluar bersih sebanyak RM1.4 bilion.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM290.4 bilion (USD82.5 bilion) pada 31 Disember 2006. Pada 15 Februari 2007, rizab berjumlah RM299.8 bilion (USD85.1 bilion). Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8 bulan import tertangguh dan ialah 6.6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikekalkan pada 3.50% sepanjang suku keempat berikutan trend inflasi yang menurun, dalam keadaan terdapatnya tanda-tanda pertumbuhan ekonomi Malaysia akan terus mampan.

Kadar antara bank bagi kesemua tempoh matang juga terus stabil pada suku itu, mencerminkan OPR yang tidak berubah. Kadar pinjaman dan deposit runcit juga secara relatif tidak berubah. Yang penting, kadar deposit tetap benar bagi kesemua tempoh matang bertukar positif pada bulan Oktober apabila inflasi menjadi sederhana.

Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.2% pada akhir suku keempat (akhir S3: 7.9%). Pinjaman sistem perbankan terkumpul meningkat pada kadar tahunan 6.3% (akhir S3: 7.5%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan berkembang 4.2% (akhir S3: 3.3%). Permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan mencatat kadar pertumbuhan yang kukuh pada suku keempat, selaras dengan prestasi sektor pembinaan dan industri perkilangan yang berkaitan dengan pembinaan dalam negeri yang lebih kukuh. Pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah meningkat pada kadar tahunan lebih perlahan, iaitu 9.4% (akhir S3: 11.4%).

Pada suku keempat, sektor awam dan swasta memperoleh jumlah dana bersih yang lebih tinggi melalui pasaran modal, iaitu sebanyak RM7.5 bilion (S3: RM3.8 bilion). Tidak termasuk Cagamas, dana kasar yang diperoleh melalui pasaran PDS kekal dalam jumlah yang besar sebanyak RM8.1 bilion (S3: RM7.9 bilion). Dana ini diperoleh terutamanya melalui terbitan nota jangka sederhana, yang mencakupi 58% daripada jumlah PDS yang diterbitkan. Selepas pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS, tidak termasuk Cagamas, berjumlah RM2.4 bilion, iaitu menyamai jumlah pada suku ketiga.

Pertumbuhan M1 dan M3 kekal pada trend yang meningkat. M1 atau wang secara kecil berkembang pada kadar tahunan sebanyak 13.8% (S3: 11.5%), mencerminkan peningkatan deposit permintaan perusahaan perniagaan dan pertambahan jumlah mata wang yang dipegang oleh sektor swasta. M3 atau wang secara luas meningkat pada kadar tahunan sebanyak 12.3% (S3: 7.9%).

Pada suku keempat, khususnya pada bulan Disember, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang Kumpulan Tiga Negara (Group of 3, G3), dan juga berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau. Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) ekoran dana portfolio kembali ke pasaran yang sedang pesat berkembang, berikutan sentimen positif pelabur terhadap prospek ekonomi serantau, muncul semula. Pada bulan Disember 2006, langkah pengawalseliaan yang dikenakan oleh Bank of Thailand pada 18 Disember 2006, memberikan kesan kontagion yang terhad terhadap ringgit.

Ringgit terus menambah nilai pada tahun 2007, sepertimana kebanyakan mata wang serantau. Dalam tempoh 3 Januari-28 Februari 2007, ringgit menambah nilai berbanding dengan kesemua mata wang utama dan mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang

serantau. Ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (2.8%), won Korea (1.8%), dolar Taiwan (1.8%), dan dolar Singapura (0.5%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan baht Thailand (0.9%) dan secara relatif tidak berubah berbanding dengan renminbi China dan peso Filipina.

Sistem perbankan terus kukuh

Sistem perbankan terus kukuh pada suku keempat. Pada akhir bulan Disember, nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) berada pada 12.8%. Keuntungan sebelum cukai bagi suku keempat berjumlah RM4.4 bilion. Pendapatan fi yang diperoleh menerusi khidmat nasihat korporat dan perkhidmatan kiriman wang, dan pendapatan dagangan dan pelaburan bersih pada suku itu adalah lebih tinggi. Paras pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) sistem perbankan terus menurun terutamanya disebabkan kutipan semula pinjaman yang lebih tinggi dan klasifikasi semula NPL kepada pinjaman berbayar. Hasilnya, nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun lagi kepada 4.8% (S3: 5.1%).

Ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan pertumbuhan yang mampan pada tahun 2007

Pertumbuhan ekonomi global masa depan dijangka berterusan pada kadar melebihi 4% pada tahun 2007. Sungguhpun sektor luaran dijangka menjadi sederhana sedikit, namun kadar penyederhanaan itu dijangka perlahan. Pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat secara keseluruhan dijangka berterusan, meskipun sektor perumahan dan automotif merosot sedikit. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi global dijangka lebih menyeluruh berikutan pemulihan di Jepun yang bertambah kukuh, prospek pertumbuhan di kawasan euro yang lebih baik, dan pertumbuhan di rantau Asia yang mampan. Prospek pertumbuhan ekonomi bagi Malaysia dijangka terus menggalakkan bagi tahun 2007. Meskipun sektor eksport boleh terjejas oleh sebarang penyederhanaan dalam keadaan ekonomi luar negeri, namun permintaan dalam negeri, termasuk aktiviti sektor swasta dan sektor awam, dijangka dapat menyokong momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia. Penggunaan swasta yang mampan dan pengembangan aktiviti pelaburan yang berterusan dijangka memberikan sokongan padu terhadap pertumbuhan. Ini akan diperkukuh oleh pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 yang telah pun bermula pada suku keempat 2006.

Struktur ekonomi negara yang pelbagai dan asas-asas makroekonomi yang lebih teguh, pasaran kewangan domestik yang lebih maju, dan sektor kewangan yang kukuh merupakan faktor penting yang terus menyokong kefleksibelan dan daya tahan ekonomi Malaysia untuk berupaya bertahan daripada kejutan luaran. Perkembangan dalam dua hari ini dalam pasaran kewangan global, serantau, dan domestik mencerminkan kemungkinan berlaku kesan kontagion. Malaysia, sebagai sebuah ekonomi yang amat terbuka dan liberal, terdedah kepada perkembangan ini. Meskipun pasaran kewangan dijangka mengalami turun naik dari semasa ke semasa, daya tahan asas ekonomi negara terus merupakan faktor utama yang akan menyokong prestasi pasaran kewangan.

Kedudukan kewangan sektor korporat yang kukuh dan prospek ekonomi yang menggalakkan, kekal sebagai faktor penting dalam menyokong trend ini. Yang lebih penting, perkembangan luaran yang berlaku dalam dua hari ini telah tidak memberi kesan yang nyata terhadap pasaran kewangan domestik yang lain. Keadaan pasaran pertukaran asing secara relatif stabil, dengan aliran dua hala telah menyederhanakan sebarang pergerakan ketara dalam pasaran itu. Kesan terhadap pasaran bon juga hanya sedikit, menunjukkan pasaran itu telah berkembang dan bertambah matang. Oleh itu, prasyarat yang terdapat di Malaysia akan terus menyokong momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia.

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan yang mampan dalam ekonomi utama

Aktiviti ekonomi global semakin meluas pada suku keempat. Pertumbuhan di Amerika Syarikat (AS) lebih tinggi, pemulihan di Jepun berterusan, momentum pertumbuhan di Eropah meningkat, dan pengembangan di rantau Asia terus mampan.

Ekonomi **AS** berkembang lebih pesat sebanyak 3.5% pada suku keempat 2006. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh penggunaan yang lebih kukuh. Pewujudan peluang pekerjaan yang kukuh, upah yang meningkat, dan harga gasolin yang menurun menyokong perbelanjaan pengguna. Defisit perdagangan berkurang berikutan harga minyak mentah yang lebih rendah. Dolar yang semakin lemah dan permintaan asing yang kukuh merangsang prestasi eksport. Terdapat juga tanda-tanda pasaran perumahan semakin stabil. Jualan rumah baru dan sedia ada merosot pada kadar yang lebih perlahan, dan indeks jualan rumah yang belum dimuktamadkan, mencatat peningkatan bulanan terbesar sejak tahun 2004. Walau bagaimanapun, aktiviti pelaburan yang berkaitan dengan sektor harta kediaman dan kelengkapan pengangkutan terus lemah.

Ekonomi **Jepun** tumbuh pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 4.8% pada suku keempat. Pertumbuhan disokong terutamanya oleh pemulihan dalam penggunaan swasta. Tambahan lagi, perbelanjaan modal korporat meningkat dengan ketara, dan eksport terus meningkat, walaupun pada kadar lebih perlahan. Di **kawasan euro**, pertumbuhan pada suku keempat ditunjangi oleh prestasi lebih baik di Jerman, Itali, dan Perancis. Aktiviti ekonomi di kawasan Euro bertambah kukuh dengan pengembangan eksport dan peningkatan dalam penggunaan swasta, dalam keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik. Jerman yang mencatat pemulihan yang menyeluruh, muncul sebagai pemacu pertumbuhan kawasan euro yang lebih kukuh. Pasaran pekerja nyata bertambah baik dengan kadar pengangguran yang menurun di Jerman, Perancis dan Itali. Sentimen keseluruhan semakin baik dengan trend yang meningkat dicatat oleh penunjuk Zew, Ifo, dan sentimen ekonomi. Sementara itu, KDNK **United Kingdom** (UK) meningkat 3% pada suku keempat, disokong terutamanya oleh pengembangan berterusan dalam sektor perkhidmatan.

Negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2005		2006			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S4
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	1.8	3.2	2.0	3.5[a]	3.4	Pertumbuhan pulih semula untuk meningkat di sekitar keluaran potensi. Pertumbuhan disokong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh dan defisit perdagangan yang berkurang meskipun sektor automotif dan perumahan masih lemah.
UK	2.0	1.9	2.9	3.0	2.7	Disokong terutamanya oleh sektor perkhidmatan, khususnya perkhidmatan perniagaan dan kewangan.
Kawasan Euro	1.8	1.4	2.8[r]	3.3	2.7	Pertumbuhan agak menyeluruh dengan eksport dan permintaan domestik terus berkembang.
Jepun[1]	1.7[r]	1.9	0.3[r]	4.8[p]	2.2	Penggunaan swasta pulih semula, berserta pelaburan dalam harta bukan kediaman yang memberangsangkan dan aktiviti eksport yang terus mencatat pertumbuhan.

[1] Berasaskan kadar tahunan *(annualised)*
[a] Anggaran awal
[r] Disemak semula
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Bank pusat utama mengekalkan kecenderungan pengetatan **dasar monetari**. Ekoran jangkaan bahawa pertumbuhan **AS** akan berterusan meskipun pada kadar lebih sederhana, **Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan** (Federal Open Market Committee, FOMC) terus mengekalkan kadar faedah pada 5.25% bagi mesyuarat

kelima berturut-turut pada 31 Januari 2007. Langkah ini diambil memandangkan kemungkinan terdapat risiko terhadap inflasi ekoran tahap penggunaan sumber yang tinggi dalam ekonomi. **Bank of Japan** menaikkan kadar panggilan semalaman tanpa cagaran sebanyak 25 mata asas kepada 0.5% pada 21 Februari 2007, kerana trend inflasi dijangka meningkat dalam jangka masa panjang. **European Central Bank** dan **Bank of England** mengekalkan kadar faedah masing-masing pada 3.5% dan 5.25% pada bulan Februari.

Harga minyak mentah global mengalami pembetulan yang paling ketara dalam tempoh 15 tahun. Harga merosot sebanyak hampir 20% daripada harga tertinggi yang dicatat pada pertengahan bulan Julai (USD78.40 setong) kepada purata USD60.18 setong pada suku keempat. Kemerosotan harga minyak disebabkan oleh kebimbangan geopolitik yang semakin reda, inventori minyak yang semakin meningkat, musim taufan yang lebih sederhana di AS, dan musim sejuk di wilayah Timur Laut AS yang tidak sesejuk seperti dijangkakan.

Di **rantau Asia**, pertumbuhan ekonomi pada suku keempat terus memberangsangkan. Pertumbuhan diterajui oleh Republik Rakyat China (RR China), dan disokong oleh eksport dan permintaan dalam negeri yang terus kukuh. Meskipun pertumbuhan AS semakin sederhana, eksport serantau secara keseluruhan terus kukuh. Banyak negara serantau mencatat pertumbuhan dua angka dalam eksport.

Trend **inflasi** bercampur-campur pada suku keempat. Inflasi di RR China dan beberapa negara perindustrian baru (Newly Industrialised Economies, NIE) naik sedikit disebabkan kos makanan yang meningkat. Walau bagaimanapun, harga minyak mentah yang menurun mendorong penurunan inflasi di negara ASEAN-4. Yang penting, Indonesia mencatat penurunan inflasi yang ketara ekoran kesan daripada pemansuhan subsidi minyak pada suku keempat 2005, semakin luput. Keadaan ini telah mendorong pihak berkuasa Indonesia mengurangkan kadar faedah sepanjang suku tersebut. Sementara itu, India menaikkan kadar faedah untuk membendung tekanan inflasi yang timbul daripada permintaan dalam negeri yang kukuh.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, prestasi nilai dolar AS berbanding dengan mata wang utama bercampur-campur pada akhir tahun. Dolar menyusut nilai berbanding dengan **euro** dan **sterling** ekoran jangkaan kadar faedah yang meningkat di zon euro dan UK. Pada 24 November 2006, euro melepasi paras USD1.30 berbanding dengan dolar buat kali pertamanya dalam tempoh satu setengah tahun. Kelemahan dolar juga sebahagiannya disebabkan oleh kebimbangan terhadap tindakan bank pusat asing yang mempelbagaikan rizab asing mereka, perbezaan antara kadar faedah di Amerika Syarikat dengan kadar faedah di negara lain yang semakin kecil dan sebahagiannya oleh data ekonomi AS yang lebih lembap. Walau bagaimanapun, dolar menambah nilai berbanding dengan **yen**, melebihi paras 120 pada 11 Januari 2007, berikutan jangkaan yang berkurang terhadap kenaikan kadar faedah selepas data menunjukkan bahawa penggunaan dan harga pengguna Jepun telah menjadi sederhana pada akhir tahun 2006. Sementara itu, kesemua mata wang

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2005		2006			Faktor pertumbuhan KDNK S4
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	
	Perubahan tahunan (%)					
RR China	9.9	10.4	10.6	10.4	10.7	Didorong oleh eksport dan pelaburan yang kukuh.
Singapura	8.3	6.6	7.0	6.6	7.9	Disokong oleh sektor perkilangan, borong dan runcit, dan perkhidmatan kewangan.
Indonesia	4.9	5.6	5.9	6.1	5.5	Disokong oleh sektor telekomunikasi dan pengangkutan, pelaburan, dan eksport.
Filipina	5.3	5.0	5.3	4.8	5.4	Disokong oleh eksport. Sektor pertanian pula mencatat pertumbuhan lebih perlahan.
Korea	5.3	4.0	4.6	4.0	5.0	Disokong oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan.
C Taipei	6.4	4.1	5.0	4.0	4.6	Didorong oleh penggunaan dan pelaburan swasta.

Sumber: Pihak berkuasa negara

serantau bertambah kukuh pada suku keempat berbanding dengan nilai pada akhir suku ketiga. **Baht Thailand** mencatat penambahan nilai tertinggi, berikutan aliran masuk modal yang kukuh. Pengukuhan baht Thailand yang pesat dan penambahan dalam aliran masuk modal yang mendadak menyebabkan pihak berkuasa Thailand melaksanakan kawalan modal pada 18 Disember 2006. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada langkah tersebut kemudiannya dilonggarkan.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pengembangan ekonomi yang menyeluruh

Pertumbuhan KDNK benar meningkat 5.7% pada suku keempat 2006, ekoran pengembangan dalam kesemua sektor ekonomi utama. Pertumbuhan khususnya didorong oleh pengembangan kukuh dalam sektor perkhidmatan dan pertanian, dan diperkukuh oleh pemulihan dalam sektor perlombongan dan pembinaan. Sektor perkhidmatan disokong oleh aktiviti penggunaan, pelancongan, kewangan, dan perniagaan, manakala pertumbuhan sektor pertanian diterajui oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih tinggi. Sektor perlombongan mencatat pemulihan berikutan pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan buat kali pertamanya selepas mengalami kemerosotan selama sepuluh suku tahunan berturut-turut. Pertumbuhan sektor ini disebabkan oleh prestasi segmen kejuruteraan awam dan bukan kediaman yang bertambah baik. Sementara itu, sektor perkilangan mencatat pengembangan yang lebih sederhana ekoran kelembapan sektor berorientasikan eksport.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2005		2006		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	-1.5	2.5	6.2	6.5	6.4
Perlombongan	-2.0	0.8	-0.4	1.9	-0.2
Perkilangan	7.9	5.1	7.2	4.3	7.0
Pembinaan	-0.6	-1.6	-0.4	0.6	-0.5
Perkhidmatan	5.9	6.5	6.4	7.0	6.5
KDNK benar (Perubahan Tahunan)	**5.2**	**5.2**	**5.8**	**5.7**	**5.9**
KDNK benar (Perubahan Berbanding Suku Sebelumnya)	**1.8**	**5.2**	**3.4**	**1.7**	**5.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan terus kukuh

Sektor perkhidmatan terus berkembang pada kadar yang lebih pantas daripada kadar pertumbuhan KDNK keseluruhan, iaitu sebanyak 7% (S3: 6.4%). Pertumbuhan disokong oleh aktiviti penggunaan disebabkan oleh perayaan utama, musim percutian, dan jualan akhir tahun. Kempen promosi yang agresif dalam persediaan menyambut Tahun Melawat Malaysia 2007 pula telah menghasilkan peningkatan dalam ketibaan pelancong terutamanya pada akhir tahun. Perkembangan ini memberi kesan positif terhadap subsektor **perdagangan borong dan runcit, hotel, dan restoran** yang berkembang 5.2% (S3: 5.8%). Walau bagaimanapun, industri jualan automotif terus hambar ekoran pasaran kereta terpakai yang lembap.

Peningkatan perjalanan dalam negeri semasa musim perayaan dan percutian turut menyokong sektor pengangkutan pada suku keempat. Tambahan pula, promosi istimewa yang ditawarkan syarikat penerbangan domestik juga telah merangsang pelancongan dalam negeri. Sementara itu, sektor telekomunikasi terus berkembang, diterajui terutamanya segmen selular disebabkan penggunaan perkhidmatan data dan suara

Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah)

	Bhg 2005	2005		2006		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	%	Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**41.5**	**5.5**	**5.9**	**7.3**	**7.8**	**6.8**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	15.1	4.9	6.2	7.1	6.8	6.3
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	26.4	5.8	5.7	7.4	8.3	7.1
Perkhidmatan Akhir	**58.5**	**6.1**	**6.9**	**5.8**	**6.5**	**6.3**
Elektrik, gas & air	7.1	3.7	5.6	5.2	6.7	4.9
Perdagangan borong & runcit, hotel dan restoran	25.2	7.0	8.0	5.8	5.2	5.9
Perkhidmatan Kerajaan	12.8	7.4	7.6	7.9	10.8	9.6
Perkhidmatan lain	13.3	4.6	4.9	4.2	4.7	4.5
Jumlah Perkhidmatan	**100**	**5.9**	**6.5**	**6.4**	**7.0**	**6.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

yang lebih tinggi berikutan promosi yang dibuat oleh pembekal perkhidmatan tersebut. Hasilnya, **subsektor pengangkutan, penyimpanan, dan komunikasi** meningkat 6.8% (S3: 7.1%).

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2005		2006		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Peratusan pada akhir tempoh (%)				
Kadar penembusan telefon bimbit	74.1	74.1	81.6	72.3	72.3
Kadar penembusan internet	13.9	13.9	14.0	14.0	14.0
Kadar penembusan jalur lebar	1.9	1.9	2.8	3.3	3.3
	Perubahan tahunan (%)				
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	1.9	4.8	0.0	0.2	2.2
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	18.7	18.7	18.0	14.9	14.9
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, restoran & hotel	8.3	8.3	10.9	12.0	12.0
Import barangan penggunaan	4.2	5.9	14.7	12.1	13.4
Jumlah jualan kereta penumpang	13.6	8.9	-7.0	-26.0	-12.4
Jumlah jualan kenderaan perdagangan	16.5	31.4	-15.0	-20.6	-7.1
Trafik SMS	156.3	130.8	36.6	32.1	51.6
Kargo udara yang dikendali (semua lapangan terbang)	6.2	4.3	5.4	1.5	5.7
Kargo laut yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	7.8	4.9	15.9	18.7	14.2
Hasil kargo yang dikendali (keretapi)	-2.9	-1.5	8.2	12.3	5.1

Sumber: Pelbagai Sumber

Sektor perkhidmatan juga didorong oleh peningkatan dalam aktiviti kewangan dan perniagaan, khususnya dalam sektor pertumbuhan baru. Ini dicerminkan oleh pengembangan subsektor **kewangan, insurans, harta tanah, dan perkhidmatan perniagaan** sebanyak 8.3% (S3: 7.4%). Pertumbuhan disokong oleh aktiviti pinjaman dan peningkatan hasil daripada pendapatan berasaskan fi dalam kewangan konvensional dan Islam. Sementara itu, aktiviti insurans terus meningkat didorong oleh peningkatan dalam produk insurans perubatan dan kesihatan, dan prestasi produk berkaitan pelaburan yang terus kukuh. Aktiviti harta tanah juga lebih tinggi manakala perkhidmatan perniagaan terus mendapat manfaat daripada prestasi pasaran saham yang menggalakkan dan perkembangan yang pesat dalam perniagaan berkaitan perkhidmatan teknologi maklumat. Pada suku keempat, 112 syarikat baru berstatus MSC mula beroperasi (S3: 66 syarikat).

Subsektor **utiliti** mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 6.7% (S3 : 5.2%), disebabkan penjanaan elektrik yang lebih banyak bagi memenuhi permintaan pengguna komersial semasa promosi jualan akhir tahun. **Perkhidmatan Kerajaan** pula terus berkembang, mencerminkan peningkatan dalam emolumen, termasuk elaun dan bonus yang dibayar kepada kakitangan awam.

Pengembangan dalam aktiviti perkilangan didorong oleh industri berorientasikan dalam negeri

Sektor perkilangan terus berkembang 4.3% pada suku keempat (S3: 7.2%). Pertumbuhan disokong oleh industri berorientasikan eksport dan prestasi kukuh industri berorientasikan dalam negeri.

Industri berorientasikan eksport berkembang 4.3% (S3: 5.9%) disebabkan industri elektronik dan elektrik terjejas oleh permintaan yang lebih perlahan terhadap segmen komputer dari pasaran AS. Namun begitu, permintaan terhadap industri keluaran berasaskan sumber tertentu terus pada tahap yang tinggi. Yang penting, keluaran getah meningkat pada kadar dua angka, disokong oleh pengembangan yang berterusan dalam segmen sarung tangan dan peningkatan dalam industri tayar. Permintaan luar negeri yang lebih kukuh dan harga eksport yang menggalakkan, mendorong pengembangan dalam keluaran kayu. Aktiviti dalam industri pemprosesan di luar estet pula berterusan selaras dengan trend pengeluaran minyak sawit mentah. Sementara itu, prestasi industri kimia lembap disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih perlahan terhadap beg plastik berikutan sedikit pertambahan dalam stok di Kesatuan Eropah (EU) dan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam segmen gas industri.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2005		2006		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (Harga Malar)	**7.9**	**5.1**	**7.2**	**4.3**	**7.0**
Pengeluaran Keseluruhan	**8.2**	**5.1**	**7.1**	**5.6**	**7.6**
Industri berorientasikan eksport	**10.1**	**5.7**	**5.9**	**4.3**	**7.6**
Antaranya:					
Elektronik dan barangan elektrik	10.5	3.5	5.1	2.5	8.0
Elektronik	13.1	5.2	8.8	5.0	11.9
Barangan elektrik	3.7	-0.8	-5.5	-4.7	-2.7
Bahan kimia dan keluaran kimia	16.8	11.0	-1.8	-2.2	2.8
Keluaran petroleum[1]	11.5	10.8	18.1	13.1	13.7
Tekstil, pakaian dan kasut	10.3	3.4	-0.8	0.9	5.9
Kayu dan keluaran kayu [2]	3.1	1.5	4.2	12.4	4.5
Keluaran getah	-1.6	-0.4	13.5	14.4	7.0
Pemprosesan luar estet	-4.6	8.1	9.7	9.4	5.6
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**0.4**	**2.8**	**12.2**	**11.1**	**7.5**
Antaranya:					
Keluaran galian bukan logam	1.5	2.0	8.1	8.8	3.2
Besi & keluli dan logam bukan ferum	-13.4	-5.3	7.9	25.7	4.2
Makanan	4.8	7.6	14.4	9.6	6.6
Kelengkapan pengangkutan	6.7	8.5	-2.6	-11.5	-0.9
Keluaran logam yang direka	-5.7	-4.9	36.1	32.0	27.0
Jumlah Eksport Perkilangan	**13.0**	**10.0**	**14.2**	**5.7**	**10.1**
Antaranya:					
Keluaran elektronik dan elektrik	14.7	9.9	10.3	1.7	6.4
Bahan kimia dan keluaran kimia	4.5	6.8	22.0	17.9	10.8
Keluaran petroleum	20.6	24.7	32.0	3.1	27.3
Keluaran kayu	7.1	2.1	34.3	26.8	16.7
Barangan perabot	2.9	6.6	10.5	7.6	7.9
Keluaran getah	18.7	11.6	48.5	31.9	34.6

[1] Dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (2000=100) yang baru, LNG telah diklasifikasikan semula sebagai keluaran petroleum (sebelum ini diklasifikasikan sebagai bahan kimia dan keluaran kimia). Dengan itu, keluaran petroleum diklasifikasikan semula sebagai industri berorientasikan eksport.

[2] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



Sementara itu, pertumbuhan **industri berorientasikan dalam negeri** meningkat 11.1% (S3: 12.2%), dipacu terutamanya oleh pengeluaran barangan berkaitan dengan pembinaan, keluaran logam yang direka, dan keluaran makanan yang lebih tinggi. Pengeluaran keluaran yang berkaitan dengan pembinaan (seperti keluaran besi dan keluli, simen, dan kaca), didorong oleh permintaan dari dalam dan luar negeri. Walau bagaimanapun, industri kelengkapan pengangkutan terus mencatat kemerosotan (-11.5%; S3: -2.6%), ekoran permintaan terhadap kereta penumpang baru terus lemah disebabkan nilai jualan balik kereta terpakai yang rendah.

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan berpurata 73% pada suku keempat (S3: 76%). Industri berorientasikan eksport dan industri berorientasikan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 78% dan 65% (S3: masing-masing pada 80% dan 68%).

Sektor komoditi disokong oleh pengeluaran pertanian yang kukuh dan pengembangan dalam aktiviti perlombongan

Pertumbuhan sektor pertanian bertambah kukuh kepada 6.5% pada suku keempat (S3: 6.2%), diterajui oleh tanaman perindustrian, iaitu minyak sawit mentah dan getah, dan pengembangan dalam subsektor tertentu yang lain. Sementara itu, sektor perlombongan pulih dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 1.9% (S3: -0.4%), disokong oleh pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dan gas asli yang lebih tinggi.

Dalam **sektor pertanian**, pengeluaran minyak sawit mentah berterusan pada paras yang tinggi, iaitu sebanyak 4.1 juta tan (S3: 4.5 juta tan). Ini merupakan pertumbuhan sebanyak 10.7%, meskipun lazimnya pengeluaran menjadi sederhana pada suku terakhir setiap tahun. Ini disebabkan keseluruhannya oleh prestasi hasil yang lebih baik. Hasil tandan buah segar (fresh fruit bunches, FFB) meningkat kepada 5.03 tan sehektar (S4 2005: 4.76 tan sehektar) dan kadar perahan minyak (oil extraction rate, OER) meningkat kepada 20.5% (S4 2005: 20.2%). Pertumbuhan pengeluaran **getah asli** bertambah kukuh kepada 7.7% (S3: 7.8%), kerana harga yang tinggi terus merangsang para pekebun kecil, yang menyumbang hampir 95% daripada jumlah pengeluaran, untuk terus menoreh secara intensif. Meskipun harga turun sedikit daripada paras tinggi yang luar biasa pada bulan-bulan terdahulu (608 sen sekilogram berbanding dengan lebih daripada 700 sen sekilogram), pekebun kecil terus menggunakan teknologi menoreh berhasil tinggi seperti Sistem Penorehan Kekerapan Rendah (Low Intensity Tapping System, LITS) untuk meningkatkan hasil.

Prestasi Sektor Pertanian

	2005		2006		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 1987)	**-1.5**	**2.5**	**6.2**	**6.5**	**6.4**
Pengeluaran[1]					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	-6.0	7.0	10.6	10.7	6.1
Minyak isirong sawit mentah	-5.4	12.1	11.5	14.7	6.1
Getah	-3.5	-3.7	7.8	7.7	11.9
Kayu balak	3.6	1.6	-1.3	1.6	-4.2
Biji koko	-7.8	-16.3	17.8	-19.9	14.2
Eksport (RM juta)	**-0.3**	**0.6**	**19.7**	**22.8**	**12.7**
Antaranya:					
Minyak sawit					
('000 tan)	-4.9	7.0	11.4	21.4	7.4
(RM/tan)	-8.5	-14.6	11.0	14.7	6.1
(RM juta)	-13.0	-8.7	23.7	39.3	13.9
Minyak isirong sawit					
('000 tan)	-2.1	16.9	36.2	41.2	-4.0
(RM/tan)	-12.4	-0.3	-15.8	-4.5	-14.6
(RM juta)	-14.2	16.5	14.7	34.8	-18.0
Getah					
('000 tan)	-0.2	1.8	-4.1	1.4	1.3
(Sen/kilogram)	28.7	9.2	59.5	11.1	40.5
(RM juta)	28.4	11.2	53.0	12.7	42.3
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	6.7	16.5	-8.0	-7.5	-12.8
(RM/meter padu)	12.6	-1.8	17.9	9.6	20.3
(RM juta)	20.2	14.4	8.4	1.4	4.8
Kayu balak					
('000 meter padu)	-4.9	8.4	-21.7	-3.2	-17.1
(RM/meter padu)	17.5	6.4	7.7	7.2	10.7
(RM juta)	11.8	15.4	-15.6	3.8	-8.3
Biji koko					
('000 tan)	-5.6	-1.4	321.3	-8.2	45.8
(RM/tan)	3.5	-2.4	4.4	10.2	3.7
(RM juta)	-2.3	-3.9	339.9	1.1	51.2

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Lembaga Koko Malaysia (MCB)
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak)
Jabatan Perangkaan Malaysia

Di samping itu, aktiviti yang berkaitan dengan makanan, terutamanya ikan, ternakan, buah-buahan, dan sayur-sayuran juga menyumbang kepada pertumbuhan sektor pertanian pada suku itu. Pengeluaran disokong oleh peningkatan permintaan dalam negeri semasa musim perayaan utama. Pendaratan **ikan** meningkat dengan kukuh kerana peningkatan dalam pengeluaran ikan laut dan pertumbuhan yang kukuh dalam akuakultur. Sementara itu, aktiviti ternakan pula disokong oleh permintaan dalam negeri terhadap ayam dan itik.

Pertumbuhan **sektor perlombongan** disokong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi (4.4% kepada 6,085 juta kaki padu standard) dan minyak mentah (termasuk kondensat) yang meningkat sedikit, iaitu sebanyak 0.3% kepada 729,013 tong sehari.

Prestasi Sektor Perlombongan

	2005		2006		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 1987)	**-2.0**	**0.8**	**-0.4**	**1.9**	**-0.2**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat					
('000 tong)	-6.1	-8.0	-2.1	0.3	-0.5
Gas asli (bersih)					
(juta kaki padu standard)	-0.6	11.3	3.5	4.4	-0.4
Eksport (RM juta)	**21.1**	**26.4**	**3.2**	**2.5**	**9.2**
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat					
('000 tan)	8.7	-1.8	-11.1	-7.6	-7.9
(USD/tong)	26.3	35.6	16.7	4.3	21.3
(RM juta)	36.4	32.6	1.0	-7.5	8.2
Gas asli cecair					
('000 tan)	-0.8	6.9	1.8	1.8	-1.9
(RM/tan)	18.4	13.1	13.0	8.7	14.2
(RM juta)	17.4	21.0	15.0	10.7	12.0

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan

Sektor pembinaan pulih untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 0.6%. Prestasi yang bertambah baik ini didorong terutamanya oleh peningkatan dalam aktiviti subsektor kejuruteraan awam, berikutan bermulanya secara beransur-ansur, projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Penunjuk Pembinaan

	2005		2006		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan iklan baru	11.4	15.9	-21.7	-2.7	-17.6
Kelulusan perumahan	2.8	-2.7	-12.6	-20.0	-23.2
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	-3.8	-0.5	8.0	14.2	3.5
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	3.4	2.2	8.0	73.2	13.0
Import bahan pembinaan dan bahan galian	0.2	-7.3	38.3	-10.8[1]	8.8[2]

[1] Okt-Nov 2006.
[2] Jan-Nov 2006.
Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan, Malaysia.

Perkembangan positif ini turut disokong oleh permintaan yang kukuh dalam subsektor **bukan kediaman,** khususnya aktiviti pembinaan untuk bekalan ruang perniagaan baru. Sementara itu, segmen kediaman terus disokong oleh permintaan di beberapa lokasi utama dan juga terhadap harta kediaman mewah.

Permintaan dalam negeri bertambah kukuh

Permintaan dalam negeri bertambah kukuh pada suku keempat untuk mencatat pertumbuhan tahunan sebanyak 7.5% (S3: 6.8%), didorong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Sementara itu, sektor awam terus menyokong pertumbuhan.

Perbelanjaan **penggunaan swasta** terus kukuh dan meningkat 6.6% pada suku keempat (S3: 6.8%). Penunjuk penggunaan utama seperti perbelanjaan kad kredit, import barangan penggunaan, dan kelulusan dan pengeluaran pinjaman bagi tujuan kredit penggunaan, mengesahkan trend perbelanjaan penggunaan swasta ini. Pada masa yang sama, karnival Jualan Akhir Tahun di seluruh negara dan promosi yang dibuat sempena sambutan perayaan utama dan cuti persekolahan pada suku tersebut merangsang perbelanjaan isi rumah. Faktor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan perbelanjaan pengguna yang mampan ialah peningkatan dalam pendapatan boleh guna ekoran harga komoditi yang kukuh dan pembayaran bonus akhir tahun. Prospek pendapatan pengguna terus positif memandangkan keadaan pasaran pekerja yang stabil. Jumlah pemberhentian pekerja berkurang dan kekosongan jawatan bertambah. Jangkaan optimistik pengguna terhadap

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2005		2006		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	7.2	7.3	6.8	7.5	7.4
Penggunaan	9.9	8.3	8.2	6.7	7.2
Sektor swasta	*9.0*	*9.2*	*6.8*	*6.6*	*7.0*
Sektor awam	*12.6*	*5.4*	*13.0*	*6.9*	*7.9*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	0.4	4.7	3.5	9.8	7.9
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	9.7	8.6	10.5	4.1	6.3
Import Barangan dan Perkhidmatan	8.0	8.0	7.4	3.5	7.2
KDNK	**5.2**	**5.2**	**5.8**	**5.7**	**5.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

peluang pekerjaan dan pendapatan dicerminkan oleh Indeks Sentimen Pengguna yang meningkat kepada 110.9 mata (S3: 107.5 mata). Tahap indeks ini merupakan tahap tertinggi bagi tahun 2006. Sementara itu, **penggunaan awam** meningkat 6.9% disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih tinggi terhadap emolumen.

Keyakinan Pengguna Meningkat, Sementara Keyakinan Perniagaan Kekal Kukuh



Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

Pembentukan modal tetap kasar mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 9.8% pada suku keempat (S3: 3.5%). Aktiviti pelaburan sektor awam meningkat dengan ketara ekoran kenaikan dalam perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan tersebut disalurkan terutamanya ke arah mempertingkatkan perkhidmatan asas termasuk pengangkutan, pertanian dan pembangunan luar bandar, kemudahan awam, dan penyediaan pendidikan dan perkhidmatan kesihatan. Pada masa yang sama, perbelanjaan modal sektor swasta terus kukuh, seperti yang diperlihatkan oleh trend yang meningkat dalam penunjuk utama seperti import barangan modal dan kelulusan pinjaman kepada perusahaan perniagaan, terutamanya dalam sektor perkilangan dan pembinaan. Tambahan pula, sentimen perniagaan yang positif dan kadar penggunaan kapasiti yang terus tinggi dalam sektor perkilangan menyokong pengembangan aktiviti pelaburan swasta. Indeks Keadaan Perniagaan terus berada pada 107.2 mata (S3: 107.8 mata), mencerminkan sentimen sektor perniagaan yang positif.

Inflasi menjadi sederhana pada suku keempat

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 3% pada suku keempat (S3: 3.6%), sejajar dengan jangkaan pasaran dan jangkaan rasmi. Penurunan inflasi adalah menyeluruh, dengan kesemua kategori utama dalam IHP mencatat kadar inflasi yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh faktor bekalan. Penurunan kadar inflasi dalam kategori pengangkutan mencerminkan luputnya kesan kenaikan harga runcit petrol pada tahun 2005. Bagi kategori minuman beralkohol dan tembakau pula, luputnya pengenaan cukai eksais terhadap barangan dalam kategori ini pada bulan Oktober 2005, menyumbang kepada kadar inflasi yang lebih perlahan bagi kategori ini pada suku keempat. Meskipun pertumbuhan penggunaan swasta mampan, inflasi yang berpunca daripada permintaan secara relatif lemah pada suku itu. Tekanan daya saing terus menyebabkan

penurunan harga pakaian dan kasut, dan caj komunikasi. Bagi keseluruhan tahun 2006, kadar inflasi berpurata 3.6% (2005: 3%).

Sumbangan kepada Inflasi



Kadar kenaikan kos bahan mentah menjadi perlahan pada suku keempat, mencerminkan harga minyak global yang semakin sederhana. Hasilnya, inflasi harga pengeluar menurun kepada 5.6% pada suku keempat (S3: 6.4%), ekoran kadar kenaikan harga dalam kategori berkaitan dengan komoditi yang lebih perlahan pada 1.4% (S3: 5%). Tidak termasuk komoditi, kadar peningkatan tahunan Indeks Harga Pengeluar secara relatif stabil, iaitu pada 7% (S3: 6.9%). Ini disebabkan terutamanya oleh inflasi barangan perkilangan yang lebih tinggi. Bagi keseluruhan tahun 2006, inflasi harga pengeluar menjadi sederhana sedikit kepada 6.7% daripada 6.8% pada tahun 2005.

Keadaan Pasaran Pekerja



Keadaan pasaran pekerja stabil

Pada suku keempat, bilangan kekosongan jawatan baru yang dilaporkan terus ketara dengan jawatan kosong terdapat dalam semua sektor ekonomi. Jumlah pemberhentian pekerja lebih tinggi berbanding dengan suku sebelumnya, namun paras ini masih jauh lebih rendah daripada jumlah tertinggi yang dicatat pada suku kedua.

Bilangan kekosongan jawatan baru yang dilaporkan menerusi Bursa Buruh Elektronik (Electronic Labour Exchange, ELX) terus ketara, iaitu kira-kira 200,523 jawatan (S3: 237,407 jawatan). Jawatan kosong terdapat terutamanya dalam sektor perkilangan, perkhidmatan, dan pembinaan. Seperti pada suku tahunan yang lain, kebanyakan jawatan yang diiklankan dalam ELX terutamanya ialah jawatan yang memerlukan kemahiran lebih rendah seperti pekerjaan asas (61%) yang lebih sesuai untuk pekerja bukan eksekutif. Faktor yang mungkin menyebabkan keadaan ini ialah keperluan Kerajaan supaya majikan mengiklankan kekosongan jawatan dalam ELX sebelum membuat permohonan mendapatkan pekerja asing. Namun begitu, jumlah kekosongan jawatan yang terdapat dalam negara mungkin lebih besar daripada yang dilaporkan oleh ELX kerana majikan juga menggunakan kepakaran dan jangkauan agensi pekerjaan swasta dan media cetak untuk mengisi kekosongan jawatan yang ada. Prospek pekerjaan yang positif dan peluang pekerjaan yang bertambah dalam pasaran

juga dicerminkan oleh peningkatan Indeks Pekerjaan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Malaysian Institute of Economic Research, MIER) kepada 114.8 mata pada suku keempat (S3: 113.2 mata).

Produktiviti pekerja benar dalam sektor perkilangan menjadi sederhana pada suku keempat, namun terus mengatasi pertumbuhan upah benar. Nilai jualan benar bagi setiap pekerja adalah hampir sama dengan nilai setahun yang lalu (S3: 1.1%), disebabkan jualan produk perkilangan yang lebih rendah. Pada tempoh yang sama, tekanan upah terus lemah (-1.2%; S3: -1.8%).

Eksport dan import terus berkembang

Lebihan yang dicatat oleh **akaun perdagangan** meningkat kepada RM30.4 bilion pada suku keempat (S3: RM29.4 bilion). Eksport dan import kasar terus berkembang pada kadar yang sama, iaitu 6.6% (S3: masing-masing 13.9% dan 11.5%).

Pertumbuhan **eksport kasar** dipengaruhi oleh pengembangan yang lebih perlahan dalam eksport barangan perkilangan dan kemerosotan eksport galian. Walau bagaimanapun, eksport pertanian terus kukuh.

Pengembangan yang lebih perlahan dalam **eksport perkilangan** (5.7%; S3: 14.2%) disebabkan terutamanya oleh eksport keluaran elektronik dan elektrik (1.7%; S3: 10.3%) kerana permintaan terhadap komputer dan komponen yang lebih rendah. Kemerosotan eksport keluaran ini telah lebih daripada mengimbangi peningkatan eksport kelengkapan telekomunikasi. Eksport keluaran berasaskan sumber seperti keluaran kimia, getah, kayu, dan keluaran berkaitan dengan logam, terus menunjukkan prestasi menggalakkan. Eksport kimia disokong oleh permintaan yang kukuh dari negara serantau manakala eksport keluaran getah pula didorong terutamanya oleh peningkatan dalam jumlah eksport.

Eksport pertanian bertambah kukuh untuk meningkat 22.8% (S3: 19.7%) didorong oleh prestasi teguh dua komoditi pertanian terbesar, iaitu minyak sawit dan getah. Pertumbuhan eksport minyak sawit melonjak, hasil daripada peningkatan permintaan luar negeri (21.4%) dan harga (14.7%) yang ketara. Peningkatan permintaan luar negeri terhadap minyak sawit disebabkan oleh peningkatan tahap penggunaan minyak sawit untuk tujuan makanan dan bukan makanan. Ini termasuk sebagai penggantian kepada minyak makanan lain yang lebih sihat, yang mengandungi asid *trans fatty*, dan juga sebagai bahan mentah untuk pengeluaran biodiesel berasaskan sawit. Antara pasaran luar utama yang meningkatkan permintaan dengan ketara pada suku keempat ialah RR China, EU, India, dan AS. Selaras dengan peningkatan permintaan, harga minyak sawit mentah naik kepada purata RM1,672 setan (S3: RM1,594 setan). Sementara itu, pertumbuhan eksport getah (12.7%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga (+11.1% kepada 657 sen sekilogram).

Eksport galian meningkat 2.5% pada suku keempat, didorong terutamanya oleh perolehan yang lebih tinggi daripada gas asli cecair (liquefied natural gas, LNG) yang meningkat 10.7%. Peningkatan dalam perolehan eksport LNG didorong harga eksportnya yang meningkat. Sementara itu, eksport minyak mentah merosot kerana

Imbangan Perdagangan



jumlah dieksport lebih rendah pada suku itu meskipun harganya terus stabil pada USD63.50 setong berbanding dengan harga pada suku yang sama tahun 2005.

Akaun Perdagangan

	2005		2006		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**12.8**	**10.9**	**13.9**	**6.6**	**10.3**
Perkilangan	*13.0*	*10.0*	*14.2*	*5.7*	*10.1*
Pertanian	*-0.3*	*0.6*	*19.7*	*22.8*	*12.7*
Galian	*21.1*	*26.4*	*3.2*	*2.5*	*9.2*
Import Kasar	**7.8**	**8.6**	**11.5**	**6.6**	**10.7**
Barangan modal	*2.0*	*9.5*	*-4.6*	*4.6*	*7.6*
Barangan pengantara	*6.2*	*7.1*	*12.0*	*6.7*	*8.7*
Barangan penggunaan	*6.6*	*7.5*	*14.7*	*12.1*	*13.4*
Imbangan perdagangan (RM bil)	**28.6**	**99.8**	**29.4**	**30.4**	**108.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport ke EU berkembang 20.5%. Eksport terdiri terutamanya daripada keluaran E&E, minyak sawit, getah mentah, kelengkapan optik dan saintifik, dan keluaran kayu. UK, Belanda, dan Jerman merupakan destinasi eksport yang utama. Pertumbuhan eksport ke AS menjadi sederhana kepada 1%, terutamanya kerana pertumbuhan eksport komputer dan komponen berkaitan komputer yang lebih perlahan. Yang penting, eksport ke Asia Barat meningkat 33.1% (S3: 20.4%), dirangsang oleh eksport jentera elektrik, perkakas elektrik, dan keluaran besi dan keluli.

Eksport Malaysia ke negara serantau (tidak termasuk Jepun) meningkat 3.1%, didorong oleh permintaan dari RR China, Indonesia, Thailand, dan Korea. Eksport ke RR China terutamanya terdiri daripada keluaran E&E, dan keluaran berasaskan sumber seperti keluaran berkaitan dengan petroleum, keluaran kimia, keluaran getah, dan pembuatan logam. Permintaan terhadap minyak sawit mentah dan getah juga meningkat. Korea terus memperoleh LNG, petroleum mentah, dan kimia dari Malaysia. Eksport ke India meningkat 30.1%, disokong permintaan yang kukuh terhadap minyak mentah, minyak sawit, perkakas elektrik, peralatan pejabat, dan keluaran besi dan keluli.

Sementara itu, Malaysia terus memperoleh komponen yang diimport dari negara serantau, terutamanya Thailand, RR China, dan Korea. Import dari negara serantau berkembang 10.7%, yang terdiri terutamanya daripada keluaran E&E, keluaran besi dan keluli, dan kimia dan keluaran kimia. Import dari negara EU juga bertambah kukuh, dan terdiri terutamanya daripada keluaran E&E, pesawat, dan kelengkapan optik dan saintifik.

Malaysia: Destinasi Eksport

	2005		2006			2005		2006			2005		2006		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion					Bahagian daripada jumlah eksport (%)					Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**27.5**	**105.0**	**30.1**	**27.8**	**110.6**	**19.3**	**19.7**	**19.2**	**18.3**	**18.8**	**18.8**	**16.4**	**4.2**	**1.0**	**5.3**
Kesatuan Eropah (EU)	**17.5**	**62.6**	**20.1**	**21.1**	**74.9**	**12.3**	**11.7**	**12.8**	**13.9**	**12.7**	**11.2**	**3.6**	**29.9**	**20.5**	**19.7**
Negara ASEAN terpilih[1]	**36.7**	**137.8**	**39.9**	**37.5**	**152.5**	**25.7**	**25.8**	**25.4**	**24.6**	**25.9**	**14.9**	**15.4**	**14.5**	**2.2**	**10.6**
Negara Timur Laut Asia	**27.0**	**99.2**	**29.5**	**28.2**	**109.1**	**18.9**	**18.6**	**18.8**	**18.5**	**18.5**	**11.0**	**5.5**	**20.1**	**4.4**	**10.0**
Republik Rakyat China	*10.5*	*35.2*	*12.7*	*11.7*	*42.7*	*7.3*	*6.6*	*8.1*	*7.7*	*7.2*	*26.0*	*9.1*	*48.9*	*11.9*	*21.1*
Hong Kong China	*7.8*	*31.2*	*7.5*	*6.8*	*29.1*	*5.5*	*5.8*	*4.8*	*4.5*	*4.9*	*6.5*	*8.6*	*-10.8*	*-12.6*	*-6.6*
China Taipei	*4.0*	*14.8*	*4.6*	*4.1*	*16.0*	*2.8*	*2.8*	*2.9*	*2.7*	*2.7*	*-2.6*	*-7.8*	*15.8*	*2.8*	*8.3*
Korea	*4.7*	*17.9*	*4.8*	*5.5*	*21.3*	*3.3*	*3.4*	*3.1*	*3.6*	*3.6*	*3.0*	*5.9*	*28.1*	*17.3*	*18.6*
India	**4.2**	**15.0**	**5.3**	**5.4**	**18.8**	**2.9**	**2.8**	**3.4**	**3.6**	**3.2**	**31.9**	**30.7**	**36.2**	**30.1**	**25.5**
Jumlah eksport	**142.6**	**533.8**	**157.1**	**152.0**	**588.9**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**12.8**	**10.9**	**13.9**	**6.6**	**10.3**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import kasar meningkat pada suku keempat, meskipun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 6.6%. Peningkatan sederhana ini disebabkan terutamanya oleh **import barangan pengantara** yang lebih rendah, sejajar dengan penurunan permintaan luar negeri terhadap keluaran E&E. Import barangan pengantara yang terdiri terutamanya daripada bekalan perindustrian asas dan yang diproses seperti logam dan keluaran logam, elektronik, dan keluaran telekomunikasi, berkembang 6.7%. Import untuk pasaran dalam negeri, iaitu bahan asas dan bahan yang diproses yang digunakan oleh industri makanan dan minuman, juga terus meningkat. Namun begitu, pertumbuhan import komponen dan aksesori kelengkapan pengangkutan merosot, sejajar dengan permintaan dalam negeri terhadap kenderaan bermotor yang lebih rendah.

Import **barangan modal** berkembang 4.6% (S3: -4.6%) kepada RM16.7 bilion pada suku keempat. Permintaan terhadap pengeksportan komoditi dan peningkatan perjalanan antara rantau yang kukuh menyebabkan pembelian pesawat dan kapal meningkat. Import kelengkapan pembinaan dan perlombongan bertambah kukuh, dirangsang oleh aktiviti penerokaan dan pembangunan yang berterusan dalam sektor minyak dan gas. Import kelengkapan telekomunikasi juga meningkat pada suku tersebut, mencerminkan penambahbaikan infrastruktur komunikasi.

Pertumbuhan Import



Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2005		2006		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan Tahunan (%)				
BARANGAN MODAL	**2.0**	**9.5**	**-4.6**	**4.6**	**7.6**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	7.5	11.5	0.8	5.1	5.6
Alat kelengkapan pengangkutan	-27.0	-4.5	-39.9	-0.1	23.5
BARANGAN PENGANTARA	**6.2**	**7.1**	**12.0**	**6.7**	**8.7**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	6.3	-4.9	24.8	18.1	24.9
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	1.3	7.4	22.8	19.0	11.0
Bahan api dan pelincir	33.0	42.6	45.6	-2.9	25.0
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	4.8	1.9	1.6	3.1	5.1
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	12.9	33.4	-10.2	-21.7	-8.5
BARANGAN PENGGUNAAN	**6.6**	**7.5**	**14.7**	**12.1**	**13.4**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	-0.7	4.1	4.5	5.5	4.7
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	17.8	-3.4	-35.0	45.8	9.4
Barangan pengguna, t.s.t.l.	11.3	10.0	22.4	15.1	18.8
Barangan tahan lama	*23.8*	*16.3*	*4.4*	*14.8*	*10.1*
Barangan separa tahan lama	*9.8*	*4.7*	*44.4*	*15.0*	*34.7*
Barangan tidak tahan lama	*6.4*	*10.8*	*15.8*	*8.4*	*12.4*
BARANGAN DUA GUNA	**14.2**	**24.2**	**14.8**	**-6.8**	**7.6**
LAIN-LAIN	**5.0**	**3.3**	**-25.1**	**-3.5**	**-2.8**
IMPORT TERTANGGUH	**5.8**	**7.8**	**9.0**	**6.2**	**8.6**
EKSPORT SEMULA	**52.0**	**26.1**	**63.3**	**12.0**	**50.4**
IMPORT KASAR	**7.8**	**8.6**	**11.5**	**6.6**	**10.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sejajar dengan penggunaan swasta yang kukuh, import **barangan penggunaan** meningkat 12.1% kepada RM7.4 bilion (S3: 14.7%). Import ini terdiri daripada barangan separa tahan lama dan barangan tidak tahan lama seperti ubat-ubatan, rekod, pakaian dan kasut, dan kelengkapan rekreasi dan sukan. Sejajar dengan permintaan yang lebih tinggi berikutan sambutan perayaan, import makanan dan minuman asas dan yang diproses untuk penggunaan isi rumah, meningkat.

Aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio lebih tinggi

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI) meningkat kepada RM18.1 bilion pada suku keempat (S3: RM12.4 bilion), disebabkan terutamanya aliran masuk modal ekuiti yang lebih besar dan aliran masuk pinjaman antara syarikat yang mampan. Aliran masuk modal ekuiti yang lebih besar itu mencerminkan terutamanya aliran masuk dana bagi pengambilalihan sebuah syarikat Malaysia dalam sektor perkilangan dan juga pelaburan dalam perkhidmatan kewangan Islam. Terdapat juga aliran masuk dana bagi pelaburan dalam industri berkaitan dengan petroleum, tekstil dan kimia. Sementara itu, sejumlah besar pinjaman antara syarikat adalah dalam bentuk pinjaman jangka pendek yang diberikan oleh syarikat asing kepada subsidiari mereka di Malaysia, terutamanya dalam sektor perkhidmatan, dan minyak dan gas. Selepas pelarasan bagi aliran keluar kasar disebabkan terutamanya pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih meningkat kepada RM12 bilion (S3: RM5.5 bilion). Data FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan peralatan yang diimport.

Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM28.7 bilion (S3: -RM23.2 bilion), mencerminkan terutamanya peningkatan yang nyata dalam pinjaman jangka pendek yang diberikan oleh syarikat milik bukan pemastautin dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan kepada syarikat mereka yang berkaitan di luar negeri berikutan operasi perbendaharaan berpusat. Aliran keluar ini sebahagian besarnya diimbangi oleh aliran masuk yang berpunca daripada pembayaran balik pinjaman jangka pendek antara syarikat pada suku tersebut. Selepas membuat pelarasan terutamanya terhadap aliran masuk ini, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM1.4 bilion (S3: -RM2.1 bilion). Sebahagian besar daripada aliran keluar bersih ini adalah dalam bentuk modal ekuiti, dan dibuat terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan, perkilangan, dan minyak dan gas. Dalam sektor perkhidmatan, pelaburan luar negeri disalurkan terutamanya ke dalam subsektor kewangan, insurans, harta tanah, dan perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, pelaburan luar negeri oleh sektor perkilangan diterajui oleh syarikat E&E dan makanan.

Pelaburan portfolio pulih pada suku keempat dengan mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM7.8 bilion (S3: -RM2.2 bilion). Prospek ekonomi yang positif berikutan pengumuman pelaksanaan projek RMKe-9, aktiviti penggabungan dan pengambilalihan dalam sektor perladangan, dan pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar serta pengumuman perolehan korporat yang lebih kukuh telah menarik aliran masuk dana portfolio terutamanya untuk pelaburan dalam pasaran ekuiti.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2005	2006	
	S4	S3	S4[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana & panjang	150.7	148.9	138.0
Sektor awam	86.2	83.7	73.2
Sektor swasta	64.5	65.1	64.8
Hutang jangka pendek[1]	47.0	50.8	41.5
Jumlah hutang luar negeri	197.7	199.6	179.5
- Bersamaan USD bilion	51.8	53.6	50.3

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang Luar Negeri Terkumpul



[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

Hutang luar negeri terus berkurang

Jumlah hutang luar negeri Malaysia berkurang dengan nyata kepada RM179.5 bilion atau USD50.3 bilion pada akhir tahun 2006 (S3: RM199.6 bilion atau USD53.6 bilion), bersamaan dengan 34.1% daripada KNK. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** lebih rendah, iaitu pada RM138 bilion (S3: RM148.9 bilion). Penurunan ini mencerminkan terutamanya pembayaran balik bersih hutang luar negeri oleh sektor awam, dan sebahagiannya disebabkan oleh keuntungan daripada penilaian semula kadar pertukaran berikutan tambah nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama, khususnya dolar AS. Perusahaan Awam Bukan Kewangan membuat pembayaran balik pinjaman luar negeri bersih yang lebih besar disebabkan kematangan satu bon dalam denominasi dolar ASI dan beberapa pembayaran balik pinjaman pokok berjadual, terutamanya oleh syarikat dalam sektor minyak dan gas, dan sektor utiliti. Sementara itu, pembayaran balik pinjaman bersih oleh Kerajaan Persekutuan mencerminkan terutamanya kematangan dua pinjaman bersindiket berjumlah RM2.9 bilion. Sektor swasta terutamanya syarikat dalam sektor perkhidmatan kewangan dan pembinaan terus mencatat pengambilan pinjaman luar negeri bersih sebanyak RM2.1 bilion (S3: RM1.1 bilion).

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** susut kepada RM41.5 bilion atau USD11.6 bilion, mencerminkan terutamanya pengurangan peminjaman jangka pendek oleh sektor perbankan. Pada akhir tahun 2006, hutang jangka pendek hanya mencakupi 23.1% daripada jumlah hutang luar negeri dan merupakan 14.3% daripada rizab antarabangsa bersih.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM290.4 bilion atau bersamaan USD82.5 bilion pada 31 Disember 2006. Paras rizab ini telah mengambil kira pengurangan nilai rizab disebabkan pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing, berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama. Rizab berjumlah RM299.8 bilion atau bersamaan dengan USD85.1 bilion pada 15 Februari 2007. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8 bulan import tertangguh dan ialah 6.6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Defisit fiskal lebih besar

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan lebih besar pada suku keempat, menjadikan defisit fiskal keseluruhan sebanyak 3.5% daripada KDNK bagi keseluruhan tahun 2006. Khususnya, perbelanjaan operasi yang lebih tinggi dicatat bagi pembayaran emolumen disebabkan pembayaran bonus pada bulan Oktober dan Disember. Sementara itu, hasil kekal menggalakkan disebabkan pungutan hasil berkaitan dengan minyak yang lebih tinggi. Defisit fiskal dibiayai sebahagian besarnya melalui pengambilan aset boleh jual Kerajaan dan peminjaman domestik. Pada akhir tahun 2006, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan lebih rendah sebanyak RM242.1 bilion atau 44.3% daripada KDNK, mencerminkan terutamanya kematangan dua pinjaman bersindiket luar negeri pada bulan Disember.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)





Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2005	2006[a]	
	S4	S3	S4
	RM bilion		
Hasil	32.2	31.9	34.4
% pertumbuhan	*-8.7*	*20.8*	*6.9*
Perbelanjaan mengurus	35.5	28.8	40.0
% pertumbuhan	*-0.2*	*25.2*	*12.8*
Akaun semasa	**-3.3**	**3.1**	**-5.6**
% daripada KDNK	***-2.5***	***2.2***	***-4.0***
Perbelanjaan pembangunan kasar	17.5	9.1	19.4
% pertumbuhan	*66.5*	*108.1*	*11.0*
Imbangan keseluruhan	**-17.9**	**-5.8**	**-24.6**
% daripada KDNK	***-13.7***	***-4.1***	***-17.5***
Memo:			
Jumlah perbelanjaan kasar	52.9	37.8	59.4
% pertumbuhan	*15.0*	*38.4*	*12.2*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	228.7	245.8	242.1
% daripada KDNK	*46.2*	*45.2*	*44.3*
Hutang dalam negeri	198.7	216.9	217.2
% daripada KDNK	*40.1*	*39.9*	*39.8*
Hutang luar negeri	30.0	28.9	24.9
% daripada KDNK	*6.1*	*5.3*	*4.6*

[a] Awalan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar pinjaman terus stabil sementara kadar FD benar bagi semua tempoh matang bertukar positif

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikekalkan pada 3.50% sepanjang suku keempat berikutan trend inflasi yang menurun, dalam keadaan prospek pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Pada 2 Oktober – 29 Disember, kadar antara bank semalaman purata kekal stabil, bergerak dalam julat 3.48% - 3.53%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif kekal stabil.

Dari segi kadar pinjaman runcit, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.72%. Pada masa yang sama, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun sedikit kepada 6.57% pada akhir bulan Disember, daripada paras 6.63% pada suku ketiga. Kadar disebut purata bagi deposit tetap bank perdagangan untuk tempoh matang 1 bulan dan 12 bulan adalah antara 3.11% hingga 3.73% (S3: 3.13% hingga 3.77%). Yang penting, kadar deposit tetap benar bagi kesemua tempoh matang bertukar positif pada bulan Oktober apabila inflasi menjadi sederhana.

Kadar Faedah

	2005	2006			
	S4	S1	S2	S3	S4
	Pada akhir tempoh (%)				
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.25	3.50	3.50	3.50
Kadar antara bank					
Semalaman	3.00	3.25	3.51	3.51	3.50
1 bulan	3.12	3.25	3.78	3.68	3.58
Kadar pinjaman asas (BLR)					
Bank perdagangan	6.20	6.47	6.72	6.72	6.72
Kadar pinjaman purata (ALR)					
Bank perdagangan	6.12	6.29	6.55	6.63	6.57
Kadar deposit tetap					
Bank perdagangan					
3 bulan	3.02	3.06	3.18	3.21	3.19
12 bulan	3.70	3.70	3.77	3.77	3.73

Purata Wajaran Harian Kadar Antara Bank Semalaman



Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia
(Pada suku tahunan, RM juta)



Kadar Pinjaman Bank Perdagangan
(Purata bagi tempoh)



Agregat Monetari



Penentu-Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2005		2006		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
M3	10.8	49.7	14.3	41.5	82.4
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	12.7	-5.4	-2.2	19.9	9.2
Tuntutan ke atas sektor swasta	14.0	44.4	6.7	7.9	34.7
Pinjaman	*8.5*	*44.8*	*9.2*	*8.2*	*36.8*
Sekuriti	*5.6*	*-0.4*	*-2.5*	*-0.3*	*-2.1*
Operasi luaran bersih[1]	-23.6	17.3	11.9	22.7	59.8
BNM	*-34.7*	*29.0*	*2.0*	*5.2*	*32.2*
Sistem perbankan	*11.1*	*-11.7*	*9.9*	*17.4*	*27.6*
Pengaruh lain	7.6	-6.7	-2.1	-9.0	-21.4

[1] Sebelum penilaian semula

Agregat monetari meningkat lebih pantas

Wang secara kecil atau M1 berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 13.8% pada suku keempat (S3: 11.5%), mencerminkan peningkatan deposit permintaan perusahaan perniagaan dan jumlah mata wang yang dipegang oleh sektor swasta. Wang secara luas atau M3 juga meningkat pada kadar lebih tinggi sebanyak 12.3% pada suku tersebut (S3: 7.9%).

Pada suku keempat, pengembangan M3 didorong terutamanya oleh peningkatan dalam aset asing bersih berikutan aliran masuk yang lebih tinggi daripada sektor luar negeri dalam bentuk perolehan eksport, pelaburan langsung asing bersih, dan pelaburan portfolio. Berbanding dengan suku-suku sebelumnya, tuntutan bersih terhadap Kerajaan memberikan kesan pengembangan terhadap M3 kerana Kerajaan membiayai perbelanjaannya yang lebih tinggi melalui pengambilan deposit yang disimpan di Bank Negara Malaysia. Tuntutan terhadap sektor swasta meningkat disebabkan pinjaman terkumpul yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, ini diimbangi sedikit oleh pemegangan sekuriti hutang swasta oleh institusi perbankan yang lebih rendah.

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta lebih perlahan pada suku keempat

Pada suku keempat, pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM135.4 bilion (S3: RM134.2 bilion). Walau bagaimanapun, pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan dan dana yang diperoleh melalui pasaran modal lebih tinggi berbanding dengan suku sebelumnya. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.2% pada akhir bulan Disember.

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2005	S4 05	S3 06	S4 06[a]	2005	S3 06	S4 06[a]
Jumlah pembiayaan kasar	**565.6**	**150.3**	**134.2**	**135.4**	**8.7**	**-6.4**	**-9.9**
Pengeluaran pinjaman *	528.6	137.5	125.8	126.7	8.3	-6.7	-7.9
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	30.8	11.7	7.9	8.1	20.3	3.4	-31.0
Ekuiti	6.3	1.0	0.5	0.6	-2.5	-39.2	-39.4
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	**62.2**	**17.4**	**11.6**	**6.3**	**9.3**	**7.9**	**6.2**
Sistem perbankan	46.3	13.5	10.4	9.5	8.5	8.8	7.9
Pinjaman terkumpul (A)[a]	44.2	10.1	9.6	4.0	8.6	7.5	6.3
Pegangan PDS	2.1	3.5	0.8	5.5	6.3	30.8	33.4
PDS terkumpul (B)	18.0	7.3	2.0	2.3	11.4	9.2	6.0
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	38.2	15.2	9.2	8.3	5.2	-5.2	-45.3

[a] Awalan
* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Pada asas tahunan, pinjaman yang dikeluarkan secara keseluruhan adalah lebih rendah disebabkan terutamanya pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan yang lebih rendah. Pada suku keempat, pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan merosot 8.5% (S3: 6.3%) disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman kepada sektor perkilangan; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel yang lebih rendah. Namun begitu, permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan mencatat kadar pertumbuhan yang kukuh pada suku keempat. Ini selaras dengan prestasi kukuh sektor pembinaan dan industri perkilangan yang berkaitan dengan pembinaan dalam negeri. Hasilnya, permohonan dan kelulusan pinjaman baru meningkat masing-masing sebanyak 6.5% dan 4.2% (S3: masing-masing sebanyak -5.5% dan -13.4%). Dalam sektor isi rumah, penunjuk pinjaman utama adalah lebih rendah pada asas tahunan disebabkan terutamanya oleh pembiayaan lebih rendah yang disalurkan untuk pembelian kereta penumpang, dan sebahagiannya untuk pembelian harta kediaman.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan %			
	2005	S4 05	S3 06	S4 06[a]	2005	S4 05	S3 06	S4 06[a]
Jumlah								
Permohonan pinjaman[n]	305.4	72.1	79.3	76.8	11.7	6.4	-5.5	6.5
Kelulusan pinjaman[n]	192.2	47.7	47.1	49.7	10.7	10.4	-13.4	4.2
Pengeluaran pinjaman[n]	528.6	137.5	125.8	126.7	8.3	5.2	-6.7	-7.9
Bayaran balik pinjaman[n]	488.5	128.5	116.2	121.8	5.8	6.5	-4.4	-5.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1]	44.2	10.1	9.6	4.0	8.6	8.6	7.5	6.3
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan[2]								
Permohonan pinjaman[n]	153.1	35.0	41.2	40.8	6.8	-2.8	-2.4	16.6
Kelulusan pinjaman[n]	88.3	22.7	22.8	28.0	9.4	12.2	-12.5	23.3
Pengeluaran pinjaman[n]	375.1	97.8	88.9	89.5	7.0	3.2	-6.3	-8.5
Bayaran balik pinjaman[n]	367.1	97.1	84.8	87.9	5.3	6.3	-6.7	-9.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1]	6.5	-0.9	3.1	1.1	3.0	3.0	3.3	4.2
PKS[3]								
Permohonan pinjaman[n]	59.4	12.6	18.8	19.4	10.4	-6.9	t.b.	t.b.
Kelulusan pinjaman[n]	34.9	7.9	10.2	11.8	11.5	-6.3	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman[n]	110.6	29.2	33.6	32.9	9.3	4.3	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul[1]	7.7	1.5	0.9	-1.0	8.7	8.7	t.b.	t.b.
Syarikat besar[3]								
Permohonan pinjaman[n]	93.6	22.4	22.4	21.4	4.7	-0.4	t.b.	t.b.
Kelulusan pinjaman[n]	53.4	14.9	12.6	16.3	8.0	25.3	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman[n]	264.5	68.6	55.3	56.7	6.0	2.7	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul[1]	-1.1	-2.3	2.2	2.1	-0.9	-0.9	t.b.	t.b.
Isi rumah								
Permohonan pinjaman[n]	152.3	37.1	38.1	35.9	17.2	16.8	-8.7	-3.2
Kelulusan pinjaman[n]	103.9	25.0	24.3	21.7	11.9	8.7	-14.2	-13.2
Pengeluaran pinjaman[n]	153.7	39.9	36.9	37.2	11.7	11.0	-7.7	-6.9
Bayaran balik pinjaman[n]	121.5	31.6	31.4	33.9	7.6	7.0	2.5	7.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1]	40.0	10.7	7.3	5.8	15.1	15.1	11.4	9.4

[1] Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.

[2] Berikutan pengelasan di bawah Sistem Statistik Institusi Kewangan (FISS) berkuat kuasa bulan April 2006, dan bagi mengekalkan kebolehbandingan pada asas tahunan bagi permohonan, kelulusan, pengeluaran dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluaskan dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain, iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian yang kecil daripada jumlah pinjaman kepada perusahaan perniagaan.

[3] Mulai S1 2006, penunjuk pinjaman bagi PKS dan syarikat besar tidak dapat dibandingkan pada asas tahunan kerana mulai bulan Mac 2006, institusi kewangan telah mula menerima pakai Definisi Standard PKS yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, yang seterusnya menyebabkan beberapa pengelasan semula antara PKS dan syarikat besar.

t.b. Tidak berkenaan.

n Angka tidak bercampur disebabkan penggenapan.

a Awalan. Data tertakluk pada semakan, berikutan perubahan dalam klasifikasi penunjuk pinjaman mengikut sektor dan tujuan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Jumlah pinjaman terkumpul berkembang pada kadar tahunan 6.3% pada akhir suku keempat (akhir S3: 7.5%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah masing-masing meningkat pada kadar tahunan sebanyak 4.2% dan 9.4% (akhir S3: masing-masing sebanyak 3.3% dan 11.4%).

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



*Mulai bulan Mac 2006, terdapat beberapa pengelasan semula antara PKS dengan syarikat besar disebabkan institusi kewangan kini dalam proses mengadaptasi definisi standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2005	S4 05	S3 06[a]	S4 06[a3]		
	RM bilion				%	
Perusahaan perniagaan [1]	375.1	97.8	88.9	89.5	70.7	39.6
Syarikat besar [2]	*264.5*	*68.6*	*55.3*	*56.7*	*44.8*	*22.4*
PKS [2]	*110.6*	*29.2*	*33.6*	*32.9*	*26.0*	*17.3*
Isi rumah	153.7	39.9	36.9	37.1	29.3	56.5
Mengikut sektor						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	13.8	3.6	3.5	3.3	2.6	2.2
Perlombongan dan kuari	1.6	0.4	0.5	0.3	0.2	0.2
Perkilangan	126.7	31.5	30.3	30.4	24.0	11.2
Pembinaan	30.4	7.7	7.6	7.9	6.2	5.3
Harta tanah	9.0	2.6	2.2	2.0	1.6	2.9
Bekalan elektrik, gas dan air	7.1	1.9	0.4	0.4	0.3	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	97.2	25.2	22.1	21.2	16.7	8.9
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	9.8	2.4	2.3	2.8	2.2	1.9
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	35.7	9.8	10.6	9.6	7.6	5.8
Kredit penggunaan	100.8	26.5	25.2	24.7	19.5	23.9
Antaranya:						
Kad kredit	*42.7*	*11.7*	*12.7*	*13.6*	*10.7*	*3.4*
Pembelian kereta penumpang	*39.2*	*10.0*	*8.4*	*6.8*	*5.4*	*16.6*
Jumlah	**528.6**	**137.5**	**125.8**	**126.7**	**...**	**...**

[1] Berikutan pengelasan di bawah Sistem Statistik Institusi Kewangan (FISS) berkuat kuasa bulan April 2006, dan bagi mengekalkan kebolehbandingan pada asas tahunan bagi permohonan, kelulusan, pengeluaran dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluaskan dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain, iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian yang kecil daripada jumlah pinjaman kepada perusahaan perniagaan.

[2] Mulai S1 2006, penunjuk pinjaman bagi PKS dan syarikat besar tidak dapat dibandingkan pada asas tahunan kerana mulai bulan Mac 2006, institusi kewangan telah mula menerima pakai Definisi Standard PKS yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, yang seterusnya menyebabkan beberapa pengelasan semula antara PKS dan syarikat besar.

[3] Berdasarkan sistem klasifikasi di bawah sistem Statistik Institusi Kewangan (FISS) berkuat kuasa bulan April 2006. Keterangan lanjut terkandung dalam Buletin Perangkaan Bulanan keluaran bulan Julai.

[a] Awalan. Data adalah tertakluk kepada semakan berikutan perubahan dalam pengelasan penunjuk pinjaman mengikut sektor dan tujuan ekonomi.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pembiayaan yang lebih tinggi dalam pasaran modal

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal meningkat dengan ketara pada suku keempat. Jumlah dana bersih yang diperoleh sektor awam dan swasta bernilai RM7.5 bilion.

Sejumlah besar dana diperoleh sektor awam. Dana kasar berjumlah RM11.5 bilion diperoleh melalui empat terbitan sekuriti Kerajaan, termasuk satu terbitan baru Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 3 tahun, satu terbitan baru Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 10 tahun, dan satu MGS 5 tahun baru bersama-sama dengan MGS Boleh Panggil bernilai RM500 juta. Pada asas bersih, dana yang diperoleh sektor awam meningkat sebanyak RM7.3 bilion pada suku tersebut (S3: RM3.6 bilion). Terbitan MGS Boleh Panggil pertama merupakan sebahagian daripada langkah baru yang diperkenalkan untuk terus membangunkan pasaran MGS. Instrumen tersebut akan memberi pilihan kepada Kerajaan untuk menebus bon lebih awal daripada tarikh matang bagi pengurusan aliran tunai yang lebih baik. Di samping itu, instrumen tersebut juga akan memberi manfaat kepada sektor swasta kerana ia akan bertindak sebagai penanda aras bagi penerbit sektor swasta meletakkan harga sekuriti hutang swasta boleh panggil mereka.

Dalam sektor swasta, dana kasar yang diperoleh melalui pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS), yang berjumlah RM8.3 bilion adalah lebih rendah berbanding dengan suku sebelumnya. Tidak termasuk Cagamas, dana kasar yang diperoleh masih besar berjumlah

RM8.1 bilion. Dana ini diperoleh terutamanya melalui terbitan nota berjangka sederhana yang mencakupi 58% daripada jumlah PDS yang diterbitkan. Pada asas bersih dan tidak termasuk bon Cagamas, dana yang diperoleh melalui pasaran PDS berjumlah RM2.4 bilion pada suku itu.

Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti meningkat kepada RM632 juta pada suku keempat. Kebanyakan dana ini diperoleh melalui lapan tawaran awam awal (initial public offering, IPO) berjumlah kira-kira RM464 juta. Pada suku tersebut, terdapat sembilan penyenaraian baru di Bursa Malaysia, iaitu lima di Papan Utama, satu di Papan Kedua, dan tiga dalam Pasaran MESDAQ.

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2005		2006		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM juta				
Oleh Sektor Awam					
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	6,500	26,830	9,324	6,500	26,830
Tolak Penebusan	4,850	12,850	8,200	2,850	12,850
Tolak Milikan Kerajaan	-	-	-	-	-
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	1,650	13,980	1,124	3,650	13,980
Khazanah Bon, *bersih*	-	(630)	-	1,070	(630)
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	(1,000)	9,500	3,000	3,000	9,500
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	397	(1,931)	(495)	(433)	(1,931)
Dana Bersih yang Diperoleh	1,047	20,919	3,629	7,287	20,919
Oleh Sektor Swasta					
Saham	1,043	1,916	518	632	1,916
Sekuriti Hutang	15,161	38,887	9,233	8,297	38,887
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	13,801	31,737	7,933	8,097	31,737
Cagamas	1,360	7,150	1,300	200	7,150
Tolak Penebusan	4,701	31,519	9,590	8,747	31,519
Terbitan bersih	10,461	7,368	(356)	(451)	7,368
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	9,851	11,120	2,404	2,409	11,120
Dana bersih yang Diperoleh	11,504	9,284	161	182	9,284
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	12,552	30,203	3,790	7,469	30,203
Kertas dan Nota jangka pendek, *bersih*[1]	456	2,563	(577)	653	2,563
Jumlah	13,008	32,766	3,213	8,122	32,766

[1] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon berterusan

Dalam pasaran sekunder, jumlah urus niaga berterusan, kepada RM105.1 bilion pada suku keempat (S3: RM114.9 bilion). Sekuriti Kerajaan MGS dan GII mencakupi sebahagian besar daripada jumlah urus niaga (62%), dan diikuti sekuriti hutang swasta (32%). Dari segi mudah tunai, GII ialah sekuriti paling cair dengan mencatat nisbah mudah tunai sebanyak 1.04.

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



Keluk kadar hasil tanda aras MGS menurun antara 18-50 mata asas bagi kesemua tempoh pemegangan pada suku keempat. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh jangkaan pasaran bahawa OPR tidak akan berubah berikutan prospek inflasi yang lebih sederhana. Selain itu, pengukuhan ringgit juga mempengaruhi momentum pembelian dalam pasaran itu, yang menyumbang kepada anjakan ke bawah keluk kadar hasil tersebut.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Tebaran kadar hasil suku tahunan bagi MGS bertempoh 3 tahun, 5 tahun, dan 10 tahun masing-masing berkurang sebanyak 28, 25 dan 38 mata asas.

Prestasi KLCI paling kukuh bagi tahun 2006

Prestasi KLCI pada suku keempat adalah yang paling kukuh bagi tahun 2006, sejajar dengan pasaran ekuiti serantau dan global. Trend inflasi yang sederhana dan perolehan korporat yang baik meningkatkan prestasi keseluruhan KLCI. Sektor perladangan dan pembinaan meningkat dengan ketara, disebabkan perkembangan berkaitan penggabungan dan pengambilalihan, dan pengumuman projek Rancangan Malaysia Kesembilan yang berimpak tinggi. Penyertaan pelabur bukan pemastautin dalam pasaran ekuiti adalah kukuh pada suku tersebut.

Pada 19 Disember, KLCI merosot 1.96% berikutan pengenaan kawalan modal di Thailand, tetapi pulih dengan pantas untuk ditutup pada paras lebih tinggi pada akhir tahun. KLCI

Arah Aliran Kadar Hasil MGS



* *Spread* (Skala kanan) : Kadar hasil Dis-06 - Kadar hasil Sept-06

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada 2006



Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2005				2006					
	S4		Tahun		S3		S4		Tahun	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	18,541	35,264	102,338	177,321	37,040	49,741	57,015	78,257	197,819	127,998
Antaranya:										
Papan Utama	13,788	32,391	73,816	157,445	22,422	40,720	36,338	66,458	121,666	107,178
Antaranya										
Produk Pengguna	647	1,863	3,694	10,197	660	2,200	977	2,665	4,765	4,866
Produk Industri	1,633	2,020	12,150	14,143	3,410	3,787	4,474	5,395	16,232	9,182
Pembinaan	694	1,067	4,141	7,116	1,596	2,626	2,787	5,262	11,107	7,888
Dagangan/Khidmat	3,321	12,417	16,008	59,241	5,958	15,148	10,465	26,467	31,469	41,615
Kewangan	2,262	8,796	10,108	36,743	2,475	7,291	3,689	12,719	12,092	20,010
Harta benda	1,392	1,236	10,649	11,572	4,084	2,331	5,742	3,681	21,022	6,013
Perladangan	539	2,762	2,144	9,147	1,078	4,848	1,004	5,516	3,384	10,364
Perlombongan	0	1	0	10	1	17	33	68	34	85
Papan Kedua	1,708	1,175	15,161	12,289	3,853	2,758	5,432	4,023	21,914	6,782
Mesdaq	2,948	1,598	12,616	6,678	10,352	6,085	10,735	4,981	48,712	11,066

Sumber: Bursa Malaysia

meningkat 128.69 mata atau 13.3% pada suku keempat (S3: 52.86 mata atau 5.8%) untuk mengakhiri suku keempat pada 1,096.24 mata. Permodalan pasaran adalah lebih tinggi pada RM848.7 bilion (S3: RM745.5 bilion) dan aktiviti urus niaga juga meningkat. Urus niaga harian purata KLCI adalah pada 934.7 juta unit pada suku tersebut (S3: 573.9 juta unit).

Meskipun perkembangan di luar negeri mencetuskan pembetulan pasaran pada 27 dan 28 Februari, yang menyebabkan pasaran merosot sebanyak 6%, KLCI ditutup pada 1196.45 mata (sejak akhir tahun 2006: 9.1%). Permodalan pasaran pada 27 Februari lebih tinggi pada RM 574.4 bilion (sejak akhir Disember 2006: 14.8%)

Perkembangan Kadar Pertukaran Asing

Pada suku keempat, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang G3, dengan penambahan paling ketara pada bulan Disember. Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS kerana aliran portfolio kembali ke pasaran yang sedang pesat berkembang ekoran sentimen positif pelabur terhadap prospek ekonomi serantau, muncul semula. Ringgit bertambah kukuh berbanding dengan yen Jepun dalam keadaan yen Jepun yang lemah, disebabkan jangkaan bahawa Bank of Japan akan menjajarkan kadar faedah mengikut keadaan ekonomi semasa secara terancang dan beransur-ansur. Euro seterusnya bertambah kukuh ekoran jangkaan pasaran terhadap kenaikan kadar dasar oleh European Central Bank dan data ekonomi yang positif,

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir		
	2005	2006	
	S4	S3	S4
Indeks Harga			
Komposit	899.8	967.6	1,096.2
FBM30[1]	5,882.5	6,260.4	7,059.9
FBMEMAS[2]	5,737.5	6,270.7	7,169.6
Papan Kedua	80.4	83.2	92.0
Mesdaq	87.1	108.1	119.9
Urus niaga harian purata			
Jumlah (juta unit)	303.9	573.9	934.7
Nilai (RM juta)	578.1	782.0	1,282.9
Permodalan pasaran (RM bilion)	695.3	745.5	848.7
Bilangan syarikat yang disenaraikan	1,021	1,027	1,027

[1] FBM30 mewakili FTSE Bursa Malaysia 30 Indeks
[2] FBMEMAS mewakili FTSE Bursa Malaysia Emas Indeks

Sumber: Bursa Malaysia

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Percent Change (1 Oktober - 29 Disember 2006)



Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



yang menyebelahi euro berbanding dengan dolar AS dan yen Jepun. Pada bulan Disember 2006, kesan kontagion terhadap ringgit adalah terhad berikutan langkah pengawalseliaan yang dikenakan oleh Bank of Thailand pada 18 Disember 2006.

Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang serantau pada suku keempat. Ini disebabkan penambahan nilai ringgit yang lebih pesat berbanding dengan dolar AS, melebihi penambahan mata wang serantau lain berbanding dengan dolar AS. Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.8% - 3.0%, manakala berbanding dengan baht Thailand, ringgit secara relatif tidak berubah.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S4 05	S3 06	S4 06	21 Jul 05	S4 05	S3 06
Dolar AS	3.8000	3.7800	3.6845	3.5315	7.6	7.0	4.3
Euro	4.6212	4.4867	4.6821	4.6460	-0.5	-3.4	0.8
Paun sterling	6.6270	6.5226	6.9171	6.9315	-4.4	-5.9	-0.2
100 yen Jepun	3.3745	3.2229	3.1279	2.9675	13.7	8.6	5.4
Dolar Singapura	2.2570	2.2714	2.3221	2.3028	-2.0	-1.4	0.8
100 baht Thai	9.0681	9.2049	9.8109	9.8111	-7.6	-6.2	0.0
100 peso Filipina	6.8131	7.1254	7.3477	7.2027	-5.4	-1.1	2.0
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0385	0.0399	0.0393	-1.6	-2.1	1.7
100 won Korea	0.3665	0.3739	0.3901	0.3797	-3.5	-1.5	2.7
Renminbi China	0.4591	0.4686	0.4660	0.4523	1.5	3.6	3.0

* (+) menunjukkan pengukuhan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan.

PERKEMBANGAN SEKTOR PERBANKAN

Sektor perbankan terus berdaya tahan berikutan keuntungan yang mampan dan permodalan yang kukuh dalam keadaan perkembangan makroekonomi yang menggalakkan. Faktor ini berserta penurunan yang berterusan dalam pinjaman tak berbayar (NPL), menempatkan institusi perbankan pada kedudukan yang baik untuk terus peningkatan dalam menyokong aktiviti ekonomi.

Permodalan institusi perbankan terus kukuh

Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal

	2005	2006			
	S4	S1	S2	S3	S4
Modal					
CCR (%)	10.7	10.0	10.0	10.5	10.0
RWCR (%)	13.7	13.1	12.8	13.2	12.8

berada pada 12.8% dan 10% pada akhir suku keempat 2006. Asas modal menurun sedikit (-1.2%) berikutan penggabungan antara dua kumpulan perbankan domestik disempurnakan pada suku itu.

Keuntungan daripada pelbagai sumber mampan

Pada suku keempat, sistem perbankan mencatat pertumbuhan yang kukuh dalam paras keuntungan sebelum cukai berjumlah RM4.4 bilion (+15.6%). Pencapaian ini berpunca daripada pendapatan fi yang lebih tinggi (+12.9%) yang diperoleh menerusi khidmat nasihat korporat dan perkhidmatan kiriman wang, pendapatan perdagangan dan pelaburan bersih yang lebih tinggi, dan peruntukan hutang lapuk dan ragu yang lebih rendah pada suku tersebut. Ini menyumbang kepada peningkatan keseluruhan dalam keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2006 yang berjumlah RM13.9 bilion (+12.7%). Hasilnya, pulangan ekuiti purata pada asas tahunan (annualised) meningkat kepada 17.3% (akhir tahun 2005: 16.7%), sementara pulangan atas aset pada asas tahunan kekal pada 1.4%.

Paras NPL terus menurun

Paras NPL sistem perbankan terus mencatat trend yang menurun pada suku keempat. Jumlah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun lagi sebanyak 4.1% kepada RM27.4 bilion pada akhir suku keempat untuk mencakupi 4.8% daripada jumlah pinjaman bersih (S3: 5.1%). Ini disebabkan terutamanya oleh kutipan balik yang lebih tinggi dan pengelasan semula NPL kepada status berbayar serta hapus kira oleh institusi perbankan yang berterusan.

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar



KALENDAR PERISTIWA
Oktober – Disember 2006

16 Oktober 2006

Gabenor semasa berucap pada majlis pemeteraian perjanjian langganan saham antara BIMB Holdings Bhd, Bank Islam Malaysia Bhd, Dubai Financial LLC, dan Lembaga Tabung Haji, menyatakan bahawa perkongsian baru antara pihak-pihak tersebut mencerminkan keyakinan para pelabur antarabangsa dan domestik terhadap suasana pelaburan dan perniagaan di Malaysia. Beliau juga menyatakan bahawa kedudukan modal sesebuah institusi kewangan bukanlah faktor tunggal yang menentukan kapasiti dan potensi meningkatkan prestasi, tetapi kualiti tenaga mahir, sistem, pengurusan risiko, sistem ICT, struktur tadbir urus, kepimpinan, dan budaya korporat merupakan faktor yang sama pentingnya.

1 November 2006

Bank Negara Malaysia menganjurkan dialog antara pengawal selia dengan peserta industri kewangan untuk membincangkan pelbagai peluang yang ada hasil daripada inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC), dan pelbagai insentif cukai yang diumumkan Kerajaan pada bulan Ogos 2006. Dalam ucaptama beliau, Gabenor mengumumkan bahawa penerbit pemastautin dan asing kini boleh menerbitkan bon berdenominasi mata wang asing, khususnya bon Islam (sukuk), dalam pasaran modal Malaysia. Inisiatif ini juga akan membolehkan pelabur tempatan dan asing untuk mempelbagaikan pelaburan mereka dalam pelaburan berdenominasi bukan ringgit di Malaysia.

9 & 13 November 2006

Bank Negara Malaysia mengeluarkan dua set syiling peringatan sempena ulang tahun Universiti Teknologi MARA yang ke-50, dan juga sempena pelancaran Rancangan Malaysia Kesembilan.

13 November 2006

Bank Negara Malaysia dan Hong Kong Monetary Authority (HKMA) mewujudkan penghubung pembayaran semasa pembayaran (payment-versus-payment, PvP) merentas sempadan yang pertama di Asia antara sistem penjelasan kasar masa nyata (real time gross settlement, RTGS) Dolar Amerika Syarikat (AS) di Hong Kong dengan sistem RTGS Ringgit di Malaysia. Penyerahan secara serentak Dolar AS di Hong Kong dan Ringgit di Malaysia akan menghapuskan risiko penjelasan yang timbul daripada penyerahan mata wang yang berlainan di zon masa yang berlainan. Selain itu, pewujudan penghubung ini akan menggalakkan kerjasama sistem pembayaran antara Malaysia dengan Hong Kong.

15 November 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa pihak yang berhasrat untuk memulakan rundingan bagi tujuan pembelian atau penjualan saham institusi kewangan berlesen, kini boleh mengemukakan hasrat mereka untuk berunding dengan lebih daripada satu pihak secara serentak. Mengikut undang-undang, kelulusan Menteri Kewangan melalui Bank Negara Malaysia, diperlukan terlebih dahulu sebelum pemeteraian atau pemuktamadan sebarang perjanjian atau pengaturan.

23 November 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia terus mencapai paras pertumbuhan yang mampan pada suku ketiga. Keluaran dalam negeri kasar benar berkembang pada kadar tahunan sebanyak 5.8% (S2: 6.2%). Aktiviti ekonomi terus dipacu sektor swasta, dan sektor perkhidmatan, perkilangan, dan pertanian kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan. Sumbangan sektor luar negeri kepada pertumbuhan juga lebih kukuh pada suku ketiga.

24 November 2006

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia, pada mesyuarat terakhirnya bagi tahun 2006, membuat keputusan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman pada 3.50%. Dalam pernyataannya, Bank Negara Malaysia mengambil maklum bahawa ekonomi Malaysia akan terus mencapai pertumbuhan yang mampan dalam suasana tekanan inflasi yang semakin sederhana dan dijangka terus sederhana pada tahun 2007. Jadual mesyuarat MPC bagi tahun 2007 turut dikeluarkan.

1 Disember 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan pengenalan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN) bagi menggantikan Bil Bank Negara (Bank Negara Bills, BNB) dan Nota Boleh Runding Bank Negara (Bank Negara Negotiable Notes, BNNN) sedia ada. Langkah ini bertujuan meningkatkan kecekapan mengurus mudah tunai berlebihan dalam pasaran kewangan. Terbitan baru BNMN akan berasaskan diskaun atau kupon, bergantung pada permintaan pelabur. BNMN pertama yang bernilai RM1 bilion diterbitkan pada 8 Disember.

7 Disember 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan dua langkah tambahan bagi pembangunan pasaran bon Malaysia selanjutnya. Langkah-langkah itu ialah pengenalan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) Boleh Panggil, dan Pembelian Semula dan Penukaran MGS. MGS Boleh Panggil membolehkan Kerajaan menebus bon lebih awal dari tarikh matangnya, sementara Pembelian Semula dan Penukaran MGS membolehkan MGS yang diterbitkan sebelum ini digantikan dengan terbitan tanda aras semasa. Langkah-langkah ini akan meningkatkan lagi dagangan dalam pasaran sekunder, seterusnya menambah baik mudah tunai keseluruhan dalam pasaran bon.

14 Disember 2006

Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) yang ditubuhkan Bank Negara Malaysia pada awal tahun 2006 diberikan status universiti oleh Kementerian Pengajian Tinggi. INCEIF juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan sembilan universiti tempatan untuk bekerjasama dalam bidang pendidikan, latihan, dan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kewangan Islam.

Dalam ucapannya, Gabenor menyatakan bahawa semua pihak termasuk pengamal, pendidik, dan penyelidik kewangan Islam perlu berusaha dengan giat untuk menggalakkan pembangunan kewangan Islam secara berterusan demi menjadikan kewangan Islam bidang yang progresif, dinamik, responsif, dan mampan. Beliau mengambil maklum bahawa penyelidikan baru dalam penjuruteraan kewangan Islam boleh merintis jalan bagi peningkatan inovasi produk baru, yang akan menyumbang ke arah memperluas dan memperdalam pasaran kewangan Islam, seterusnya memperkukuh pembangunan industri kewangan secara keseluruhan.

29 Disember 2006

Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti mengumumkan bahawa rasionalisasi industri syarikat diskaun telah pun disempurnakan. Selain itu, transformasi bank saudagar, syarikat broker saham, dan broker universal menjadi bank pelaburan dijangka dapat disempurnakan menjelang suku pertama tahun 2007.

Pada hari yang sama, Bank Negara Malaysia mengumumkan pengeluaran dua buku perancangan kewangan, iaitu “Buku Wang Saku” dan “Buku Perancangan dan Penyata Kewangan Keluarga” bagi tahun 2007. Pengeluaran buku-buku ini merupakan usaha berterusan Bank Negara Malaysia dalam mendidik orang ramai, khususnya pelajar dan ibu bapa, tentang kepentingan perancangan kewangan.